

MAHATHIR - ASING
(1)

1983

KUALA LUMPUR, 4 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGECEM GOLONGAN RAKYAT MALAYSIA YANG MEMINTA BANTUAN LUAR UNTUK MENGUTUK DAN MENGUGUT KERAJAAN DEMI KEPENTINGAN DIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN SEDAR AKAN KEGIATAN-KEGIATAN SEUMPAMA ITU DAN TIDAK AKAN TERPENGARUH DENGAN +PERBUATAN TIDAK BERTANGGUNGJAWAB+ INI.

+KERAJAAN BOLEH MENENTUKAN APA YANG BAIK DAN APA YANG PERLU BAGI RAKYAT BERDASARKAN KEHENDAK YANG DISUARAKAN OLEH MAJORITI,+ KATA BELIAU KETIKA MERASMIKAN SEMINAR ANJURAN MCA BERTEMAKAN +KE ARAH ERA BARU EKONOMI+ DI SITU.

BELIAU KESAL GOLONGAN TERSEBUT BERTINDAK MENDAPATKAN SOKONGAN LUAR SEDANGKAN MEREKA BOLEH MENYUARAKAN PENDAPAT DAN PERMINTAAN DI NEGARA SENDIRI DAN +KERAJAAN AKAN MENIMBANGKANNYA JIKA PERLU.+

+DALAM SEBUAH NEGARA BERDEMOKRASI, KERAJAAN SEDIA MENDENGAR SETIAP ADUAN DAN RUNGUTAN DARI SESIAPA SAHAJA, TETAPI IA TIDAK DAPAT MEMBENARKAN KEHENDAK MINORITI MEMBELAKANGKAN KEHENDAK MAJORITI,+ KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR. -- LAGI 1226/MK

MAHATHIR - ASING 2 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SATU SASARAN UTAMA KRITIKAN +ORANG-ORANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB+ INI IALAH PERLAKSANAAN DASAR EKONOMI BARU (DEB).

KATANYA MEREKA TIDAK SEDAR ATAU SENGAJA TIDAK MENGENDAHKAN KENYATAAN YANG DEB TELAH DITERIMA OLEH MAJORITI RAKYAT NEGARA INI YANG SEDAR BAHAWA IA DIGUBAL UNTUK KEPENTINGAN SEMUA.

+BAGAIMANA.PUN, TIDAK DAPAT TIDAK TERDAPAT BEBERAPA MASALAH KECIL DALAM PERLAKSANAAN DEB, YANG MENEKANKAN KESAKSAMAAN DALAM SEMUA ASPEK, DAN INI BOLEH DIATASI,+ KATA BELIAU.

+IA TIDAK BERMAKNA DEB MERUPAKAN RINTANGAN KE ARAH MEWUJUDKAN MALAYSIA YANG KUKUH, BERSATU PADU DAN MAKMUR DI MASA DEPAN.+

KEPADA MASYARAKAT CINA, PERDANA MENTERI MENGGESA MASYARAKAT TERSEBUT, YANG DIIKTIRAF LAIN MEMPEROLEHI PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN DALAM BIDANG TERSEBUT. -- LAGI 1249/MK

MAHATHIR - ASING 3 KUALA LUMPUR

SATU CARA MEMBANTU IALAH DENGAN MENGAMBIL MEREKA BEKERJA DI KEDAI-KEDAI KECIL AGAR DAPAT MEMPELAJARI SELOK BELOK PERNIAGAAN DARI PERINGKAT BAWAH.

+ADALAH LEBIH PENTING MEMBANTU MEREKA DENGAN CARA INI DARIPADA MENGAMBIL MEREKA BEKERJA DENGAN PERBADANAN-PERBADANAN BESAR, DENGAN GAJI BESAR TETAPI TIDAK MEMPUNYAI APA-APA TUGAS DAN TIDAK MEMPELAJARI SESUATU PUN,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN SEKTOR PERNIAGAAN SUPAYA TIDAK MENGAMBIL PEKERJA BUMIPUTERA SEKADAR MEMENUHI KEHENDAK DEB SAHAJA KERANA INI TIDAK AKAN MENGUNTINGKAN MANA-MANA PIHAK.

SEBALIKNYA, BUMIPUTERA PULA TIDAK SEHARUSNYA MENGGUNAKAN 'STATUS' MEREKA UNTUK MENDESAK HAK-HAK YANG DI LUAR KEUPAYAAN MEREKA.

MENGENAI ASPEK DEB TENTANG PEMBASMIAN KEMISKINAN, BELIAU BERKATA KERAJAAN TELAH MENGAMBIL BERBAGAI-BAGAI LANGKAH UNTUK MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA TARAF HIDUP YANG LEBIH TINGGI. -- LAGI 1302/MK

MAHATHIR - ASING 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH BEBERAPA DASAR DAN KONSEP YANG DIPERKENALKAN BAGI KEPENTINGAN SEMUA RAKYAT TETAPI +SETENGAH-SETENGAHNYA TELAH DISALAHFAHAMKAN.+

DASAR PANDANG KE TIMUR, UMPAMANYA, DITENTANG OLEH SETENGAH-SETENGAH AHLI AKADEMIK TANPA MEMAHAMI YANG ASAS DASAR ITU MENEKANKAN ETIK KERJA YANG POSITIF.

+MEREKA MENGUTARAKAN BERBAGAI-BAGAI TEORI MENGENAI DASAR ITU DAN AKIBATNYA DAN MEMBUAT KESIMPULAN YANG TIDAK MENGGALAKKAN PERLAKSANAAN DASAR TERSEBUT,+ KATA BELIAU.

SEMINAR SEHARI ITU, ANJURAN MCA WILAYAH PERSEKUTUAN, DIHADIRI OLEH 2,000 ORANG TERMASUK TIMBALAN MENTERI KEWANGAN DATUK DR. LING LIONG SIK, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK LEE KIM SAI, DAN Pengerusi MCA WILAYAH, ENCIK TAN KOON SWAN. -- BERNAMA 1325/MK